

11 APR 2002

NEGERI SEMBILAN-PELABURAN

NEGERI SEMBILAN YAKIN DAPAT TARIK LEBIH BANYAK PELABURAN ASING

SEREMBAN, 11 April (Bernama) -- Kerajaan Negeri Sembilan yakin dapat menarik lebih banyak pelaburan asing tahun ini berikutan keadaan ekonomi dunia yang semakin pulih.

Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad berkata kerajaan negeri percaya yang pelaburan asing untuk tahun 2002 mampu melebihi RM2 bilion.

"Tahun lepas kita mendapat RM1.95 bilion pelaburan dan kira-kira RM1.77 bilion adalah dari pelaburan asing. Tahun ini kita menjangkakan mampu meningkatkan lagi jumlah pelaburan asing di negeri ini," kata beliau kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat pertama Majlis Tindakan Ekonomi Negeri (MTEN) peringkat negeri di sini hari ini.

Katanya, pelaburan tahun lepas agak menurun jika dibandingkan dengan jumlah pelaburan pada tahun sebelumnya (2000) yang berjumlah RM2.4 bilion ekoran krisis ekonomi dan kesan serangan ke atas Pusat Dagangan Dunia di New York dan Pentagon pada 11 Sept tahun lepas.

Menteri Besar berkata pelaburan yang paling besar diterima ialah dari Korea Selatan yang berjumlah RM1.2 bilion, Amerika Syarikat (RM303.3 juta), Jerman (RM57 juta), Jepun (RM60.6 juta) dan beberapa negara lain.

Katanya, jika perlu pegawai kerajaan negeri akan mengadakan misi pelaburan ke beberapa negara luar untuk menarik lebih banyak pelaburan asing tahun ini.

"Kita sebenarnya lebih suka mengikuti rombongan perdagangan yang diketuai Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

"Selepas itu, kita akan memberi penerangan susulan kepada pelabur asing yang berminat dan berpotensi melabur di negeri ini," jelas Mohamed Isa.

Beliau menambah Negeri Sembilan mempunyai kawasan industri yang berpotensi untuk terus dimajukan seperti kawasan perindustrian Nilai, Senawang dan Labu-Sendayan.

Mohamed Isa berkata, Jawatankuasa Perhubungan Industri Negeri Sembilan yang menjalankan kajian baru-baru ini juga mendapati bahawa industri elektronik dan semikonduktor di negeri ini akan berkembang antara lima hingga tujuh peratus tahun ini.

"Malah tahun depan, jawatankuasa itu meramalkan pertumbuhannya sehingga 20 peratus. Ini merupakan berita baik kepada syarikat yang berkaitan," kata beliau.

-- BERNAMA

APG AA